

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah program bantuan Yayasan Wilayah Persekutuan dan agensi-agensi lain di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan untuk rakyat Labuan terutamanya dari segi bantuan pembiayaan pendidikan, latihan industri dan pembangunan usahawan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat Labuan, Tuan Yang DiPertua, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menerusi Perbadanan Labuan (PL) sentiasa mengambil perhatian khusus bagi merancang dan mendapatkan peruntukan bantuan pembiayaan pendidikan, latihan industri dan pembangunan usahawan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat jua, pada tahun 2019, KWP dengan kerjasama Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) telah melaksanakan Program Baucer Riang Ria Kembali ke Sekolah. Program ini adalah dengan kerjasama Perbadanan Labuan dan Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan.

Program ini bertujuan meringankan beban perbelanjaan murid-murid sekolah rendah daripada keluarga B40 di Wilayah Persekutuan untuk pembukaan sesi persekolahan di awal tahun. YWP telah mengagihkan baucer menerusi Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan melibatkan 1,316 orang murid di 17 sekolah rendah seluruh Wilayah Persekutuan Labuan.

Manakala, untuk Parlimen Wilayah Persekutuan Labuan, YWP telah memperuntukkan sebanyak 150 baucer yang diselaraskan oleh Pejabat Parlimen Wilayah Persekutuan Labuan. Pemilihan penerima adalah menerusi ketua kampung masing-masing.

YWP juga telah memperuntukkan sebanyak 50 baucer bagi anak kakitangan Perbadanan Labuan yang berpendapatan rendah. Keseluruhan baucer yang diperuntukkan kepada Wilayah Persekutuan Labuan adalah sebanyak 1,516 baucer di WP Labuan.

Bantuan adalah berupa baucer bernilai RM120.00 kepada setiap murid dan baucer tersebut hanya boleh ditebus di pusat penebusan YWP dan barangan yang boleh ditebus adalah seperti berikut:

- 1) Tiga (3) pasang uniform sekolah rendah;
- 2) Dua (2) pasang stoking; dan
- 3) Satu (1) helai baju t-sukan berwarna putih.

Selain itu, Kementerian juga menerusi PL telah bekerjasama dengan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Wilayah Persekutuan Labuan bagi menyediakan bantuan pembayaran yuran Kursus *Oil Gas Safety Passport* (OGSP) Level 1 kepada 46 orang pelajar Teknologi Kimpalan dan Teknologi Minyak dan Gas (Mekanikal Hiliran) yang tamat latihan pada sesi 2/2020 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM11,500.00.

## NO SOALAN : 42

Kad OGSP adalah kad wajib atau asas untuk seseorang individu untuk memasuki loji minyak di Malaysia terutamanya untuk loji Petronas. Kursus ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar berkaitan dengan aspek keselamatan dalam industri minyak dan gas sebelum para pelajar menjalani latihan industri atau menceburi bidang kerjaya dalam sektor tersebut.

Pada tahun 2020 ekoran daripada pandemik Covid-19, bantuan dalam bentuk Inisiatif Ekonomi Digital bagi membantu sektor pertanian dan perikanan diperkenalkan.

Program pertama, adalah bantuan bagi meningkatkan dan mempromosikan usahawan IKS (Pembungkusan) dengan kerjasama SIRIM Malaysia dengan jumlah peruntukan RM90,000.00 kepada 10 orang pengusaha di Wilayah Persekutuan Labuan. Pengusaha terpilih yang terlibat terdiri produk juara dari Jabatan Perikanan WP Labuan, Jabatan Pertanian WP Labuan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) WP Labuan, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Labuan, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) WP Labuan, Jabatan Veterinar WP Labuan dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) WP Labuan.

Program kedua, adalah *Online Business* dan Pembangunan Web kepada remaja/ belia/ usahawan dengan kerjasama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dengan jumlah peruntukan RM30,000.00 dengan sasaran 200 orang peserta dan telah bermula pada 15 Ogos 2020.

Sekian, terima kasih.